05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ANALISIS METOD FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK TERHADAP FATWA-FATWA DARI TAHUN 2007 HINGGA 2014

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MUHAMMAD NAZIRUL BIN MOHD SABRI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ANALISIS METOD FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK TERHADAP FATWA-FATWA DARI TAHUN 2007 HINGGA 2014

MUHAMMAD NAZIRUL BIN MOHD SABRI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek ☐
Sarjana Penyelidikan ☐
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus ☐
Doktor Falsafah ☐

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada **17** (hari bulan)**DISEMBER** (bulan) **2019**

**i. Perakuan pelajar** :

Saya, **MUHAMMAD NAZIRUL BIN MOHD SABRI, M20152002367, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **ANALISIS METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK TERHADAP FATWA-FATWA DARI TAHUN 2007 HINGGA 2014** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **DR. MUHAMMAD AKRAMIN BIN KAMARUL ZAMAN** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ANALISIS METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK TERHADAP FATWA-FATWA DARI TAHUN 2007 HINGGA 2014** (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA SYARIAH** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

14 FEB 2020

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. MUHAMMAD AKR... BIN KAMARUL ZAMAN
PENSYARAH KANAN
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /**
***INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES***

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK**
***DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM***

Tajuk / *Title*: ANALISIS METOD FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK TERHADAP FATWA-FATWA DARI TAHUN 2007 HINGGA 2014.

No. Matrik /*Matric No.*: M 20152002367

Saya / *I* : MUHAMMAD NAZIRUL B. TOHO SABRI

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*

4. Sila tandakan ( √ ) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick ( √ ) from the categories below:-*

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | **SULIT/*CONFIDENTIAL*** | Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972* |
| ☐ | **TERHAD/*RESTRICTED*** | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.* |
| ☒ | **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS*** | |

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 14 FEB 2020.

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)
PENSYARAH KANAN
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




## PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah penyelidik bersyukur kepada Allah s.w.t kerana mengurniakan kesabaran dan kekuatan azam untuk menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, buat seluruh keluarga dan sahabat baginda serta muslimin dan muslimat yang sentiasa mendapat rahmat daripada Allah s.w.t.

Alhamdulillah, penyelidik akhirnya dapat menyelesaikan kajian sarjana ini dalam tempoh semaksimanya. Walaupun terdapat kekangan dan masalah yang berlaku sepanjang menyelesaikan kajian ini, penyelidik dapat menghadapinya dengan penuh kesungguhan dan ketekunan. Namun, dengan ketentuan Allah s.w.t, kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Dalam kesempatan ini, penyelidik ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih buat penyelia iaitu Dr. Muhammad Akramin Bin Kamarul Zaman di atas kesudian beliau meluangkan masa menyelia, membantu, memberi tunjuk ajar, menyumbang idea dan teguran membina kepada penyelidik sepanjang disertasi ini dilakukan agar kajian yang dihasilkan mempunyai nilai dalam dunia akademik pada hari ini. Begitu juga jutaan terima kasih kepada seluruh tenaga pengajar dan pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris khususnya Jabatan Pengajian Islam yang sangat dedikasi mencurahkan segala ilmu kepada penyelidik sepanjang tempoh pengajian peringkat Sarjana ini. Semoga mendapat balasan yang berganda daripada Allah s.w.t.

Tidak ketinggalan juga ucapan setinggi-tinggi terima kasih, penyelidik tujukan buat ayahanda, almarhumah bonda dan isteri tercinta yang banyak memberi sokongan dan semangat kepada penyelidik untuk meneruskan perjuangan dalam medan ilmu ini. Semoga doa dan restu mereka menjadi inspirasi buat penyelidik untuk terus mencipta kejayaan pada masa akan datang.

Akhir sekali, ucapan setinggi-tinggi terima kasih penyelidik tujukan buat pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penyelidik menyiapkan disertasi sarjana ini. Jasa dan pertolongan yang diberikan, penyelidik menyerahkan kepada Allah untuk membalasnya. Harapan penyelidik, semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan input berguna kepada semua pihak sebagai satu usaha meneruskan kesinambungan khazanah ilmiah dalam dunia akademik masa kini.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis metod fatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) merujuk kepada beberapa fatwa dari tahun 2007 hingga 2014. Metod berfatwa yang dijalankan oleh JFNPk menerusi penyelidikan yang dijalankan dalam pengeluaran fatwa dengan melihat penggunaan kaedah *Uṣūl al-Fiqh* sebagai metod penentuan fatwa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan yang mana kaedah pengumpulan data dan penganalisaan data disampaikan secara deskriptif. Analisis dokumen terhadap Buku Fatwa Perak Darul Ridzuan Tahun 2007 hingga 2014 terbitan Jabatan Mufti Negeri Perak mendapati terdapat tujuh fatwa berkaitan fiqh yang boleh difahami dan dianalisis sejauh mana ianya berasaskan metod penentuan fatwa. Beberapa tema muncul hasil daripada temubual dengan ahli Majlis Fatwa iaitu maklumat yang tepat mengenai kaedah berfatwa dan amalan penyelidikan yang berlaku dalam pemfatwaan. Hasil kajian menunjukkan keperluan metod fatwa khususnya dari aspek *al-takyīf* mampu meningkatkan tahap kualiti penyelidikan fatwa. Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah *Uṣūl al-Fiqh* sebagai metod penentuan fatwa kurang diaplikasi secara tepat dan penyelidikan fatwa dibuat secara ringkas terhadap tujuh fatwa berkaitan fiqh sepanjang tahun 2007 hingga 2014 di dalam Buku Fatwa Negeri Perak Darul Ridzuan. Dapatan kajian membawa implikasi bahawa pengeluaran fatwa yang menepati kaedah berfatwa dan metod penyelidikan yang jelas dan tepat mampu meningkatkan prestasi dan kualiti penyelidikan fatwa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**ANALYSIS THE FATWA METHOD IN PERAK STATE FATWA COMMITTEE BASED ON FATWAS FROM THE YEAR 2007 T0 2014**

## ABSTRACT

This research aims to analysis method of fatwa issued by Fatwa Committee of Perak focusing on few fatwa that has been issued from year 2007 to 2014. The primary method used by Fatwa Committee of Perak while conducting research in the process of fatwa issuance is the application of *Uṣūl al-Fiqh.* This study use qualitative approach which examine the content while collection and analysis of data is delivered in descriptive form. For the purpose of this approach, a book produced by Department State Mufti of Perak entitled *Buku Fatwa Perak Darul Ridzuan* from year 2007 to 2014 has been used to analyze seven fatwa related to *fiqh* and its relevance with method of issuance of fatwa. Besides, from interview that has been conducted with panel of Fatwa Council of Perak, few themes come into the pictures which are accurate information on method of fatwa and habitual practice while researching that occurs in the process of issuing fatwa. This research shows that the presence of aspect *al-takyīf* plays a distinctive role in increasing the quality of fatwa research. In short, throughout the study, it can be seen that the application of *Uṣūl al-Fiqh* as the method used in issuing fatwa has not been implemented accurately as the result of fatwa research related to *fiqh* from year 2007 to 2014 in *Buku Fatwa Negeri Perak Darul Ridzuan*. Hence, the findings of this research lead to implications where the issuance of fatwa that follows the right method of fatwa and accurate method of research will increase the quality and achievement of fatwa research.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## KANDUNGAN


| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| **PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** | | | ii |
| **BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI** | | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | | iii |
| **ABSTRAK** | | | iv |
| **ABSTRACT** | | | v |
| **KANDUNGAN** | | | vi |
| **SENARAI RAJAH** | | | vii |
| **DAFTAR TRANSLITERASI** | | | viii |
| **SENARAI SINGKATAN** | | | ix |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | | x |
| **BAB 1** | **PENGENALAN KAJIAN** | | |
| | 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 | Latar belakang Kajian | 3 |
| | 1.3 | Penyataan Masalah Kajian | 5 |
| | 1.4 | Persoalan Kajian | 7 |
| | 1.5 | Objektif Kajian | 8 |
| | 1.6 | Kepentingan Kajian | 8 |
| | 1.7 | Skop Kajian | 9 |
| | 1.8 | Sorotan Literatur | 10 |
| | 1.9 | Metodologi Kajian | 19 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**BAB 2 METODE ASAS DALAM PENYELIDIKAN FATWA**

2.1 Pendahuluan 27

2.2 Ijtihad 29

2.2.1 Definisi Ijtihad Dari Sudut Bahasa 29

2.2.2 Definisi Ijtihad Dari Sudut Istilah 29

2.2.3 Dalil Pensyariatan Ijtihad 32

2.3 Fatwa 35

2.3.1 Definisi Fatwa Dari Sudut Bahasa 36

2.3.2 Definisi Fatwa Dari Sudut Istilah 37

2.3.3 Dalil Pensyariatan Fatwa 38

2.3.4 Hukum Berfatwa 40

2.4 Mufti 42

2.4.1 Definisi Mufti 43

2.5 Kaedah Asas Dalam Proses Penyelidikan Fatwa 44

2.5.1 Mengambil kira ‘*Illah* Sesuatu Hukum 45

2.5.2 Mengutamakan Sumber Dalam Proses *Istidlal* dan *Istinbat* 47

2.5.3 Mengaplikasi *Maqāṣid al-Sharī‘ah* 49

2.5.4 Memahami dan Mengambilkira Realiti Semasa 54

2.6 Peringkat Utama Dalam Proses Penyelidikan Fatw a 57

2.7 Peranan Ijtihad Dalam Pembinaan Fatwa 64

2.7.1 Keperluan Ijtihad 64

2.7.2 Bidang-Bidang Ijtihad 65

2.7.2.1 Bidang Perbankan Dan Kewangan 66

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



2.7.2.2 Bidang Sains Dan Perubatan 66

2.7.2.3 Bidang Sains Dan Teknologi Maklumat 67

2.8 Penutup 68

**BAB 3 METODE BERFATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK**

3.1 Pendahuluan 69

3.2 Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak 70

3.2.1 Sejarah Penubuhan 70

3.2.2 Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa 72

3.3 Proses Pemfatwaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak 74

3.3.1 Ciri-Ciri Fatwa Negeri Perak 74

3.3.2 Autoriti Fatwa Negeri Perak 76

3.3.3 Kuatkuasa Fatwa 78

3.3.4 Pelanggaran Fatwa 79

3.3.5 Autoriti Fatwa Di Dalam Mahkamah 81

3.3.6 Penguatkuasaan Fatwa 82

3.3.7 Proses Penghasilan Fatwa 83

3.3.8 Sumber Dan Punca Permasalahan 83

3.3.9 Penyediaan Jawapan Fatwa 85

3.3.10 Perbincangan Peringkat Jawatankuasa Fatwa 86

3.3.11 Proses Pewartaan Fatwa 89

3.3.11.1 Pihak Yang Terlibat Dalam Pemfatwaan 90

3.3.11.2 Ciri-Ciri Isu Yang Diwartakan 93


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



3.4 Metode Berfatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak 94

3.4.1 Pertama: Kaedah Penyelidikan Dalaman 95

3.4.1.1 Merujuk Penggunaan Dalil al-Quran dan al-Sunnah 96

3.4.1.2 Merujuk Kaedah *al-Qiyās*, *Maṣāliḥ Mursalah*, *Sadd Dharā'i* dan *'Urf* 97

3.4.1.3 Rujukan Terhadap Karya-Karya Fiqh Silam dan Kontemporari 99

3.4.2 Kedua: Kaedah Penyelidikan Lapangan 100

3.5 Penutup 101

**BAB 4 ANALISIS FATWA- FATWA NEGERI PERAK DARI TAHUN 2007 HINGGA 2014**

4.1 Pendahuluan 102

4.2 Analisis Metode Fatwa Dalam Fatwa-Fatwa Dari Tahun 2007 Hingga 2014 107

4.2.1 Pemilihan Fatwa-Fatwa 107

4.2.2 Analisis Fatwa-Fatwa Dari Tahun 2007 Hingga 2014 108

4.2.2.1 Fatwa Shariah: Mengenai Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (Pengkid) Dan Hukum Lelaki Menyerupai Perempuan (Pondan Dan Mak nyah) 108

4.2.2.2 Fatwa Akidah: Mengenai Kumpulan Black Metal 121

4.2.2.3 Fatwa Akidah: Mengenai Kedudukan Senaman Yoga 129

4.2.2.4 Fatwa Akidah: Mengenai Penggunaan Kalimah Allah 137

4.2.2.5 Fatwa Shariah: Mengenai Kadar Wajib Zakat Tanaman 145


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.2.2.6 Fatwa Shariah: Mengenai Perlantikan Peguam Syarie Dikalangan Orang Bukan Islam 155

4.2.2.7 Fatwa Shariah: Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institut Islam Lain 164

4.3 Penutup 187

**BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

5.1 Pendahuluan 188

5.2 Rumusan 189

5.3 Saranan Dan Cadangan 193

5.4 Penutup 194

**RUJUKAN** 196

**LAMPIRAN** 210

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI RAJAH

**No. Rajah** **Muka Surat**


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak beserta Kepakaran | 73 |
| 2.1 | Pembahagian Isu Fatwa Antara Tahun 2007 Hingga 2014 | 105 |
| 3.1 | Perbandingan Akaun Simpanan / Semasa Antara Perbankan Islam Dan Perbankan Konvensional | 176 |
| 4.1 | Perbandingan Antara Akaun Pelaburan am/khas Dan Akaun Deposit Tetap | 176 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## DAFTAR TRANSLITERASI

Jadual transliterasi adalah seperti berikut:

**Huruf Konsonan**

| Huruf Arab | Nama | Huruf Latin |
|---|---|---|
| أ | alif | ā |
| ب | ba’ | b |
| ت | ta’ | t |
| ث | tha’ | th |
| ج | jim | j |
| ح | ha’ | ḥ |
| خ | kha’ | kh |
| د | dal | d |
| ذ | dhal | dh |
| ر | ra’ | r |
| ز | zay | z |
| س | sin | s |
| ش | shin | sh |
| ص | sad | ṣ |
| ض | dad | ḍ |
| ط | ta’ | ṭ |
| ظ | za’ | ẓ |
| ع | ‘ayn | ’ |
| غ | ghayn | gh |
| ف | fa’ | f |
| ق | qaf | q |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| ك | kaf | k |
| ل | lam | l |
| م | mim | m |
| ن | nun | n |
| و | waw | w |
| ه | ha’ | h |
| ي | ya’ | y |
| ة | ta’ marbutah | h |

**Huruf Vokal**

| Vokal | Huruf Arab | Huruf Latin |
|---|---|---|
| Pendek | (fathah) --َ-- | a |
| | (dammah) --ُ--- | u |
| | (kasrah) ---ِ--- | i |
| Panjang | آ | ā |
| | اُو | ū |
| | اِي | ī |
| Diftong | اَوْ | aw |
| | اَيْ | ay |
| | يّ | iy / i |
| | وّ | uww |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| c. | Cetakan |
| Dr. | Doktor |
| h. | Halaman |
| Ibid. | Ibidem (Latin)- pada rujukan yang sama |
| j. | Jilid |
| JFNPk | Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak |
| no. | Nombor |
| op.cit. | Opera Citato (Latin) – dalam rujukan yang telah disebut |
| Prof. | Profesor |
| s.a.w | Ṣalla Allah ‘Alayh wa Sallam |
| s.w.t | Subḥānallah wa Ta‘āla |
| t.t | Tanpa tarikh |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI LAMPIRAN


| | |
|---|---|
| A | Halaman Judul |
| B | Perakuan Keaslian |
| C | Borang Pengesahan Status Disertasi |
| D | Halaman Penghargaan |
| E | Halaman Abstrak |
| F | Halaman *Abstract* |
| G | Halaman Kandungan |
| H | Halaman Senarai Jadual |
| I | Halaman Daftar Transliterasi |
| J | Halaman Senarai Singkatan |
| K | Halaman Senarai Lampiran |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pendahuluan

Segala puji bagi Allah s.w.t Tuhan sekalian alam, dan aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah, dan aku bersaksi bahawasanya Nabi Muhammad adalah hamba Allah dan Rasulnya, dan berkatilah ke atas Nabi Muhammad s.a.w, keluarganya dan sahabat-sahabatnya kesemuanya.

Secara umumnya, fatwa diertikan sebagai penentuan hukum terhadap sesuatu persoalan apabila telah timbul sesuatu kes atau isu yang tertentu dan seseorang mufti itu mengetahui mengenai hukumnya. Setiap fatwa yang dikemukan terhadap masyarakat memerlukan kepada dalil-dalil dan kaedah-kaedah yang perlu digunapakai agar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keputusan fatwa yang dikeluarkan itu seiring dengan kehendak Allah s.w.t dan juga masyarakat.

Pada tahun 2014, Tun Mahathir telah menyampaikan ucaptama di Sidang kemuncak Kuala Lumpur. Sebagai pengerusi sidang, beliau telah membuka minda dan jalan dengan mencadangkan agar setiap fatwa yang menjawab pelbagai isu pada zaman dahulu perlu dikaji kesesuaiannya dengan keadaan masa kini. Ini kerana, ada sesetengah fatwa yang didapati tidak lagi relevan.[1] Berdasarkan kenyataan Tun Mahathir, maka semestinya setiap Jawatankuasa Fatwa Negeri menganalisis dan mengkaji semula fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan mereka supaya bersesuaian dengan keadaan semasa dan juga mampu menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh orang Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seiring dengan perkembangan ilmu yang sangat pesat pada masa kini dengan sumber maklumat dihujung jari, kewibawaan sesuatu fatwa sangat dinilai oleh masyarakat pada hari ini. Mereka ingin melihat hujah dan dalil yang menjadi asas sesuatu fatwa itu dikeluarkan agar natijah fatwa yang dikeluarkan tidak menimbulkan kontroversi dan polemik di kalangan masyarakat umumnya.

[1] www.sinarharian.com.my. (12 November 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.2 Latar Belakang Kajian

Ijtihad amat perlu diberi penekanan dalam proses penfatwaan. Tanpanya, fatwa yang dihasilkan tidak mampu memberi sebarang kesan terhadap kepentingan dan kemaslahatan ummah. Bahkan juga fatwa tersebut tidak akan dilihat sebagai satu penyelesaian yang sebenar kepada persoalan semasa bagi masyarakat. Akhirnya fatwa tersebut kurang dirai dan dihormati, sementara institusi fatwa pula dianggap sebagai sebuah badan yang kurang memenuhi kriteria sesebuah institusi penyelidikan hukum.[2] Berdasarkan keperluan tersebut, penyelidik memilih untuk cuba melihat dan menilai sejauh mana pendekatan ijtihad dalam proses penfatwaan yang telah dijalankan dan diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) dari tahun 2007 hingga 2014.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan era tahun 2000 merupakan zaman yang mencabar, zaman *ict* dan teknologi maklumat ditambah dengan pembaharuan dalam sistem urusan harian manusia yang lebih canggih dan moden. Situasi ini sudah pasti menjadi cabaran kepada JFNPk bagi menghasilkan satu penetapan hukum yang lebih bersifat terkini.

Justeru, bagi menangani cabaran semasa yang berlaku dalam masyarakat Islam, JFNPk semestinya berpegang kepada satu displin dan metode penyelidikan hukum bagi melahirkan natijah fatwa yang benar-benar dapat menyelesaikan kemelut dan cabaran semasa yang berlaku di era ini.

---

[2] Mohd Faez Bin Mohd Shah (2013). *Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Merujuk kepada metode berfatwa JFNPk, keterikatan kepada mazhab *al-Shāfi'ī* menjadi rangka utama dalam penyelidikan fatwa di negeri Perak. Seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 memperuntukkan : [3]

> Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakukan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qāwl* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab *al-Shāfi'ī*.
>
> 1) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qāwl* muktamad Mazhab *al-Shāfiī* suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qāwl muktamad Mazhab Hanafi, Māliki dan Hanbali.
> 2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qāwl* muktamad daripada empat mazhab ini boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qāwl* muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Berdasarkan enakmen di atas, dapat diketahui bahawa fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JFNPk adalah terikat dengan empat mazhab di mana mazhab *al-Shāfi'ī* menjadi keutamaan sebelum berlakunya ijtihad dalam isu-isu tertentu.

---

[3] Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. (Seksyen 43)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sepanjang pemerhatian yang dijalankan, penyelidik mendapati kebanyakan fatwa rasmi yang diwartakan kepada masyarakat umum dalam bentuk *sīghah* fatwa sahaja tanpa disertakan dalil dan hujah walaupun secara realitinya dalil-dalil dan hujah-hujah dikemukakan semasa perbincangan di peringkat Mesyuarat.[4]

Perkara di atas terjadi kerana tradisi kefatwaan berlaku dengan mufti tidak wajib mengemukakan metode dan cara pendalilan. Malah tidak wajar orang awam untuk meminta dalil dan hujah kepada mufti dan bertanya mengapa dan bagaimana hukum berkenaan disimpulkan.[5]

## 1.3 Pernyataan Masalah Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai badan fatwa yang sistematik. Kebanyakan institusi fatwa negeri mempunyai persamaan dari sudut enakmen pentadbiran agama Islam negeri yang menjadikan mazhab *al-Shāfi'ī* sebagai rujukan dan panduan utama, melainkan Jabatan Mufti negeri Perlis yang lebih menjurus kepada rujukan utama perundangan Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Merujuk kepada metode berfatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk), keterikatan kepada mazhab *al-Shāfi'ī* menjadi rangka utama dalam penyelidikan fatwa di negeri Perak. Seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 memperuntukkan : [6]

[4] Zamri Bin Hashim (2011). *Kaedah Pendalilan Berasaskan Al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010*. Disertasi sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
[5] Hussayn Muhammad al-Mallah (2006). *al-Fatwā*. Beirut: al-Maktabah al-'Asrīyyah. h. 690.
[6] Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. (Seksyen 43).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakukan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qāwl* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab *al-Shāfi'ī*.

Di samping itu, setiap negeri mempunyai badan fatwa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa yang memutuskan dan juga mewartakan fatwa mereka tanpa perlu disepakati oleh kesemua negeri terlebih dahulu. Namun, kepelbagaian badan fatwa dengan masing-masing di bawah bidang kuasa agama dan wilayah yang berbeza menyebabkan terdapat banyak fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa fatwa negeri tidak selari. Perbezaan ini mengakibatkan perbezaan dari sudut proses penyelidikan hukum setiap negeri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan dan pembinaan hukum memerlukan asas utamanya iaitu pengaplikasian ilmu *Uṣūl al-Fiqh* dan *maqāṣid al-sharī'ah* yang merupakan displin utama. Displin inilah yang akan dilihat dalam metode berfatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang diajukan oleh *mustaftī*. Memandangkan berlakunya perkembangan pesat dalam bidang ijtihad, ia turut mempengaruhi proses penyelidikan hukum yang dijalankan oleh JFNPk. Ibnu al-Qayyim berpandangan adalah terbaik jika disebutkan cara pendalilan di dalam fatwa.[7] Oleh itu timbul persoalan, sama ada metode fatwa yang digunapakai oleh JFNPk

[7] Hussayn Muhammad al-Mallah (2006), op. cit. h. 627.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ketika ini berlaku dalam situasi yang sebenar atau sebaliknya. Justeru itu, permasalahan yang ingin dijelaskan dalam kajian ini dapat disimpulkan seperti berikut;

i. Sejauh manakah kaedah penyelidikan hukum Islam diimplementasikan dalam metode dan kaedah penyelidikan fatwa yang digunapakai oleh JFNPk.
ii. Persoalan tentang sejauh manakah fatwa-fatwa yang diputuskan oleh JFNPk bersifat rasional dengan menepati kehendak isu yang berlaku berdasarkan metode yang diaplikasikan.

## 1.4 Persoalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Apakah kaedah dan metode asas penfatwaan yang telah dihuraikan oleh para sarjana Islam bagi menangani dan menjawab persoalan hukum?
2. Apakah bentuk-bentuk metode yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dalam mengeluarkan keputusan fatwa-fatwa?
3. Adakah fatwa-fatwa yang telah diputuskan bagi menyelesaikan persoalan bersifat rasional serta menepati metode asas penfatwaan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.5 Objektif Kajian

1. Menjelaskan metode asas dalam proses penfatwaan berdasarkan huraian para sarjana Islam.
2. Mengenalpasti metode penyelidikan fatwa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bagi fatwa-fatwa dari tahun 2007 hingga 2014.
3. Menganalisis fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dari tahun 2007 hingga 2014 berdasarkan metode asas penfatwaan yang diaplikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.6 Kepentingan Kajian

1. Hasil penyelidikan dan kajian ini akan dapat menjelaskan metode yang digunapakai oleh JFNPk dalam memberi fatwa kepada pihak yang bertanya sama ada jawapan fatwa tersebut bersesuaian dengan metode fatwa atau sebaliknya.
2. Kajian ini juga boleh menjadi panduan dan juga berfungsi sebagai saluran maklumat berkaitan dengan metode penyelidikan dalam amalan berfatwa khususnya kepada pihak yang bertanggungjawab dalam bidang dan institusi fatwa di negara ini.
3. Hasil kajian ini juga boleh menjadi bahan rujukan dan panduan kepada sesiapa yang berminat untuk meneruskan kesinambungan kajian penyelidik berkenaan ijtihad dalam bentuk dan konteks yang berlainan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4. Hasil dari kajian ini mampu memberi sumbangan dan lontaran idea ke arah pembangunan penyelidikan fatwa yang lebih berkesan dan efektif melalui penggunaan metode dalam pengeluaran fatwa yang ditetapkan.
5. Kajian ini mampu menyalur dan memberi input berkaitan dengan keperluan penyelidikan semasa dalam amalan berfatwa.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini akan menumpukan terhadap fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) bermula dari tahun 2007 hingga 2014 dengan merujuk kepada buku "Fatwa Negeri Perak 2007 hingga 2014" terbitan Jabatan Mufti Negeri Perak yang menghimpunkan kertas-kertas kerja fatwa melibatkan beberapa isu fatwa. Sepanjang lapan tahun tersebut, penyelidik akan menganalisis metode fatwa terhadap tujuh fatwa seperti kaedah nukilan yang digunakan secara tipikal, penggunaan kaedah *uṣūl al-fiqh* yang tidak jelas dan penentuan hukum yang tidak mengikut keutamaan sumber syarak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.8 Sorotan Literatur

Bagi merungkaikan permasalahan sesebuah kajian, sorotan literatur atau kajian lepas amat penting untuk dikemukakan sebagai asas kepada latar belakang dan penemuan yang dicari dalam menyelesaikan kajian yang dikaji. Melihat kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dikaji oleh penyelidik merupakan suatu keperluan yang sangat perlu dalam disiplin penyelidikan agar kajian tersebut tidak tersasar dari objektifnya. Malah, ia berperanan sebagai kajian kesinambungan dari kajian yang lepas dengan menghasilkan satu penemuan yang baharu dalam skop bidang tersebut.

Terdapat kajian yang membincangkan tentang *dawābit* fatwa yang perlu diamalkan oleh seorang mufti dalam proses pengeluaran fatwa oleh Muhammad bin ‘Ali al-Makkī al-Malikī bertajuk “*Dawābit al-Fatwa man yajūz lahu an yaftiyā wa man la yajūz lahu an yafti*”.[8] Berdasarkan pengamatan pengkaji, beliau menjelaskan bahawa mufti adalah dikira sebagai seorang mujtahid mutlak yang faqih dan memiliki ilmu alat yang mencukupi bagi menjawab segala persoalan. Oleh itu, buku ini hanya menumpukan kepada syarat kelayakan untuk menjadi seorang mujtahid dan beberapa bentuk metode untuk mengeluarkan fatwa. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penguasaan ilmu *Uṣūl al- Fiqh* menjadi syarat utama dalam metode pengeluaran fatwa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

---

[8] Muhammad bin Ali al Makki Al Maliki (1418H). *Dawābit al-Fatwa man lā yajuz an yaftiyā wa man lā yajūz an yafti*. Iskandariyah: Dar al-Furqan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Begitu juga kajian yang telah dijalankan oleh Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti bertajuk "*Dawābit al-Maṣlahah fi al-Sharī'ah al-Islāmiyyah"*. [9] Berdasarkan penelitian penyelidik, kajian beliau lebih tertumpu kepada topik *maslahah* dengan menyenaraikan *dawābit* secara terperinci mengikut piawaian shariah bagi membicarakan perihal *Masālih al-Mursalah*. Bab yang pertama, didatangkan dalil bahawa Syariah Islamiyah mencakupi maslahah manusia untuk kebahagiaan mereka. Bab yang kedua pula disenaraikan *dawābit* secara terperinci mengikut piawaian syariah. Bab yang terakhir iaitu bab ketiga membincangkan konsep *Masālih al-Mursalah*, serta kepentingan menghuraikan apa yang dimaksudkan. Di awal bukunya, penulis membuka mata pembaca untuk memahami tumpuan bukan sekadar mengenai maslahah dan dawabitnya semata-mata, bahkan beliau memperlihatkan konsep maslahah dari luar, serangan-serangan luar dan falsafah barat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik juga mendapati terdapat lima kajian yang menumpukan terhadap Fatwa Negeri Perak iaitu satu kajian ilmiah oleh Zamri bin Hashim bertajuk "Kaedah Pendalilan Berasaskan Al-Quran: Kajian tentang Penggunaanya dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010". [10] Kajian ini menurut penelitian penyelidik ianya lebih menumpukan kepada kaedah pendalilan berasaskan al-Quran yang menggabungkan antara al-Quran dan tafsirannya serta perbahasan *Uṣūl al-Fiqh* yang menyentuh isu kefatwaan bagi melihat sejauh mana penggunaan dalil al-Quran di dalam kebanyakan fatwa Negeri Perak yang telah dikeluarkan. Bab pertama kajian ini lebih menerangkan

---

[9] Muhammad Said Ramadan al-Buti (2009). *Dawābit al-Maṣlahah fi al-Sharī'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah Ar Risalah.

[10] Zamri Hashim (2011). *Kaedah Pendalilan Berasaskan Al-Quran: Kajian tentang Penggunaanya dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010*. Disertasi sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengenalan al-Quran dan yang paling penting ialah di dalamnya terdapat perbahasan manhaj al-Quran yang menjelaskan bahawa ayat-ayat sesuatu hukum tidak diletakkan pada satu surah atau satu tempat sahaja, sebaliknya ia terletak di beberapa surah al-Quran. Ini menunjukkan bahawa hukum-hakam Allah s.w.t yang terdapat di dalam al-Quran adalah wajib diamalkan secara menyeluruh dan tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Manakala pada bab kedua, kajian ini menerangkan struktur Jabatan Fatwa Negeri Perak dan Prosedur sesuatu fatwa sebelum dikeluarkan, di mana sesuatu fatwa perlu diwartakan terlebih dahulu sebelum dihebahkan untuk diamalkan oleh penduduk negeri Perak. Seterusnya bab ketiga dan keempat didatangkan beberapa isu fatwa semasa yang telah dikeluarkan dan dianalisis setiap satu bagi melihat sejauh mana penggunaan dalil al-Quran bagi menyokong sesuatu fatwa. Namun kajian ini adalah berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik. Kajian mendatang tidak hanya tertumpu kepada sumber al-Quran sahaja, tetapi lebih meluas dengan menganalisis pendekatan ijtihad berdasarkan metode fatwa.

Kajian ilmiah oleh Muhammad Uzair Gamal Abdul Nasir dan Luqman Abdullah berbentuk jurnal yang bertajuk “Fatwa-Fatwa Zakat di Negeri Perak: Satu Analisa”.[11] Kajian ini menurut penelitian penyelidik ianya membuat analisis terhadap fatwa-fatwa zakat bermula dari tahun 1986 hingga 2011 di negeri Perak. Kajian ini cuba meneliti kaedah atau sandaran hujah yang diguna pakai oleh JFNPk untuk mengeluarkan sesuatu fatwa terutamanya berkaitan dengan hukum zakat sepanjang tempoh ini. Walaupun wujud persamaan dari segi penelitian kaedah atau sandaran hujah yang diguna pakai oleh

[11] Muhammad Uzair Gamal Abdul Nasir dan Luqman Abdullah (t.t). “*Fatwa-Fatwa Zakat di Negeri Perak: Satu Analisa*”. Jurnal syariah. Labuan ejournal of muamalat and society.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


JFNPk untuk mengeluarkan sesuatu fatwa, namun perbezaan adalah dari segi skop fatwa di mana kajian kali ini tidak terbatas bahkan mewakili tiga bidang fatwa iaitu bidang aqidah, feqah dan sosial.

Satu kajian dalam bentuk latihan ilmiah oleh Aisah Abol bertajuk "Undang-undang Islam Negeri Perak Darul Ridzuan: Suatu Tinjauan Mengenai Pentadbiran Fatwa"[12]. Kajian ini hanya menyentuh mengenai sejarah kewujudan institusi fatwa, kedudukan mufti dan jawatankuasa shariah (fatwa) dari sudut undang-undang, aktiviti dan sumber manusia, prosedur pembuatan fatwa dan penyebaran fatwa tanpa menganalisis fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan. Oleh itu, kajian ini amat berbeza dari kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik yang akan menganalisa beberapa fatwa yang telah dikeluarkan oleh JFNPk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu lagi bentuk kajian dalam bentuk latihan ilmiah yang pernah dikaji oleh Amalul Izzah binti Hassan bertajuk: "Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari Tahun 1995 hingga 2002: Satu Analisis".[13] Latihan ilmiah ini lebih menumpukan kepada analisis statistik fatwa-fatwa berkenaan sahaja dan dibahagikan kepada bidang-bidang, pembahagian tahun. Manakala analisis ketepatan hukum telah dilakukan dengan menganalisa keputusan hukum tanpa mengaitkan dengan ilmu *Uṣūl al-Fiqh.*

---

[12] Asiah Abol (1990). *Undang-undang Islam Negeri Perak Darul Ridzuan: Suatu Tinjauan Mengenai Pentadbiran Fatwa*". Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Fakulti Shariah Universiti Malaya.

[13] Amalul Izzah (2003). *Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari Tahun 1995 hingga 2002: Satu Analisis*. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Bahagian Pengajian Shariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Satu latihan ilmiah oleh Zafarulazlin Zan bertajuk: "Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari 1990 hingga 1999: Satu Analisis".[14] Kajian ini tertumpu kepada analisis bilangan kekerapan mesyuarat dan bilangan keputusan mesyuarat. Kajian yang dilakukan lebih menjurus kepada analisis dari sudut statistik dan tidak menyentuh mengenai hukum, *dawābit* fatwa serta perbahasan *Uṣūl al-Fiqh.*

Kajian bertajuk "Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri: Satu Analisis Persamaan dan Perbezaan Fatwa tahun 2000-2009".[15] Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam usaha menganalisis beberapa keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh kedua-dua institusi fatwa untuk melihat dari sudut persamaan dan perbezaan antara kedua-dua badan tersebut. Ia dilihat tidak menumpukan kepada analisis dalil-dalil bagi sesuatu fatwa yang telah dikeluarkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat kajian yang menumpukan kepada pendekatan *ijtihad* dalam pengeluaran fatwa oleh beberapa orang pengkaji. Antara fokus kajian mereka ialah melihat sejauh mana pendekatan ijtihad dalam pembuatan fatwa di negeri-negeri tertentu. Antara kajian berkenaan adalah "Pendekatan *ijtihad* dalam fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu".[16] "Pendekatan *ijtihad* dalam fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan"[17] "*Ijtihad* dan amalannya dalam pembinaan fatwa di Malaysia".

---

[14] Zafarulazlin Zan (2000). *Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari 1990 hingga 1999: Satu Analisis.* Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Bahagian Pengajian Shariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

[15] Zulfaqar mamat, Mohd Nasran dan Hydzulkifli Hashim (2013). *Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri: Satu Analisis Persamaan dan Perbezaan Fatwa tahun 2000-2009*. International Journal of Management Studies (IJMS). 20 (2). pp. 145-166. ISSN 2180-2467. Universiti Utara Malaysia.

[16] Mohd Marbawi Taha (2006). *Pendekatan ijtihad dalam fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu.* Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Terdapat juga kajian yang menumpukan kepada pendekatan analisis terhadap fatwa-fatwa oleh beberapa orang pengkaji. Antaranya, kajian ilmiah oleh Mohd Faez bin Mohd Shah bertajuk "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 hingga 2010"[18] dan kajian ilmiah oleh Azri bin Bhari bertajuk "Analisis Fatwa Zakat di Malaysia Dari Persepktif Maqasid Syariah.[19] Kajian pertama lebih menumpukan kepada analisis terhadap enam fatwa semasa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor disebabkan masalah yang berlaku di dalam proses penyediaan hukum fatwa seperti kaedah nukilan yang digunakan secara *tipikal*, penggunaan kaedah *Uṣūl al-Fiqh* yang tidak jelas dan penentuan hukum yang tidak mengikut keutamaan sumber syarak. Manakala kajian kedua menumpukan kajian kepada prinsip maqasid syariah yang dipertimbangkan di sebalik penentuan sebanyak 26 fatwa zakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Ilmiah oleh Zulkifli bin Mohamad bertajuk: "Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa terhadap Enakmen Dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan".[20] Kajian ini membincangkan konsep fatwa dan mufti, adab, syarat-syarat dan sejarah, enakmen fatwa dan mufti Negeri Sembilan dan juga beberapa fatwa pilihan.

---

[17] Mohd Nor Hasri Junoh (2003). *Pendekatan ijtihad dalam fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

[18] Mohd Faez bin Mohd Shah (2013). "*Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 hingga 2010*". Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

[19] Azri bin Bhari (2016). *Analisis Fatwa Zakat di Malaysia Dari Persepktif Maqasid Syariah*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

[20] Zulkifli bin Mohamad (2004). *Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa terhadap Enakmen Dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


"Metode Istinbat Hukum dan Penulisan Fatwa: Satu Kajian di Negeri Kedah" oleh Kamarudin Ahmad.[21] Kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah penulisan fatwa yang diamalkan di negeri Kedah dengan hasil dapatan dari sudut pendalilan fatwa negeri Kedah, pemakaian dalil-dalil sama ada al-Quran, Sunnah atau lain-lain menampakkan penekanan kurang dititikberatkan dalam bentuk jawapan bertulis dan agak ringkas.

Jurnal Syariah oleh Hasnan Bin Kasan bertajuk "Prosedur Mengeluar dan menguatkuasakan fatwa di Semenanjung Malaysia".[22] Kajian beliau tertumpu kepada mengetahui prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak legislatif dalam proses mengeluar, mengisytihar dan menguatkuasa sesuatu fatwa sehingga ia diberi status undang-undang yang boleh dikuatkuasakan dan diambil tindakan bagi yang mengingkarinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jurnal Syariah oleh Ahmad Hidayat Bin Buang bertajuk "Analisa fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia".[23] Kajian beliau lebih tertumpu kepada mengkaji dan menganalisa fatwa-fatwa semasa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti setiap negeri. Hasil dapatan yang diperolehi ialah tidak semua fatwa semasa yang dikeluarkan bersandarkan mazhab *al-Shāfiʻi.*

---

[21] Kamarudin Ahmad (2012). *Metode Istinbat Hukum dan Penulisan Fatwa: Satu Kajian di Negeri Kedah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
[22] Hasnan Kasan (2006). *Prosedur Mengeluar dan menguatkuasakan fatwa di Semenanjung Malaysia. Jurnal Undang undang dan masyarakat.* Vol. 10. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsan Malaysia.
[23] Ahmad Hidayat Buang Jumal (2001). *Analisa fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia*. Jumal Syariah. 10:1 [2002] J 39-52). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian mengenai metode berfatwa yang digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri, tetapi tidak mengaitkannya dengan fatwa-fatwa semasa. Kajian tersebut ialah "Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian dari Tahun 1985 hingga 1995" oleh Alias bin Azhar,[24] "Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997: Satu Analisis" oleh Ahmad Zaharuddin Bin Mohd Alias.[25] Kedua-dua kajian tersebut lebih menyentuh kepada mengkaji dan menganalisis metode berfatwa bagi fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri. Namun, kajian mereka tidak ditentukan jenis fatwa yang dikaji sama ada berbentuk semasa atau tidak.

Jurnal Syariah oleh Noor Naemah Binti Abdul Raman bertajuk "Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa Menurut al-Quran".[26] Kajian ini lebih memfokuskan kepada mengetahui gaya dan teknik persembahan aI-Qur'an daIarn menangani isu hukum. AI-Quran telah mengambil dua pendekatan yang popular iaitu sama ada dengan mengemukakan jawapan hukum sebagai respon kepada persoalan yang ditanya atau dengan mengemukakan jawapan hukum bukan atas sifat sebagai jawapan kepada perkara yang dipersoalkan, tetapi sebagai suatu keterangan dan penjelasan.

[24] Alias Azhar (2002). *Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian dari Tahun 1985 hingga 1995.* Disertasi Sarjana. Akademi Pengajian Islam universiti Malaya.
[25] Ahmad Zaharuddin (2004). *Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997: Satu Analisis.* Disertasi Sarjana. Akademi Pengajian Islam universiti Malaya.
[26] Noor Naemah Binti Abdul Raman bertajuk (2001). *Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa menurut al-Quran. Jurnal Syariah*. 10:1 (2002) J 25-38. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini, penyelidik mendapati ada beberapa ruang yang perlu diambil perhatian dan menjadi faktor penumpuan kajian kali ini:

1. Setakat ini tidak banyak kajian khusus mengenai fatwa-fatwa di negeri Perak Darul Ridzuan yang memberi tumpuan kepada analisis metode fatwa terhadap fatwa-fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.
2. Walaupun terdapat satu kajian terhadap fatwa JFNPk yang pernah dijalankan, namun ianya hanya memfokuskan satu bentuk metode fatwa sahaja dengan mengemukakan analisis fatwa berkenaan metode pendalilan al-Quran, sedangkan kajian kali ini dibentuk untuk melihat aplikasi keseluruhan metode yang terlibat dalam proses penetapan dan pengeluaran fatwa menepati kaedah penfatwaan yang telah digariskan oleh ulama terdahulu dan kontemporari.
3. Kajian ini menekankan metode fatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak melalui penganalisaan terhadap fatwa-fatwa mereka. Sedangkan kajian-kajian sebelum ini hanya terbatas kepada perbincangan yang melibatkan penggunaan metode fatwa secara umum atau kajian menerusi satu metode fatwa sahaja tanpa mengambilkira bentuk penyelidikan semasa yang digunapakai dan tidak memfokuskan penganalisaan terhadap persoalan semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.9 Metodologi Kajian

Setiap kajian perlu mempunyai pendekatan metodologi tersendiri. Kajian ini secara keseluruhannya akan menggunapakai kaedah penyelidikan kualitatif bagi mengenalpasti metode dan kaedah penyelidikan yang diaplikasikan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menerusi fatwa-fatwa semasa sama ada ianya berlaku mengikut kaedah yang sebenar atau sebaliknya.

Penyelidik mengambil fakta-fakta dan data-data yang berkaitan dengan himpunan-himpunan fatwa JFNPk di Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Perak yang bertindak sebagai urusetia fatwa di samping mendapatkan statut, risalah yang berkaitan dengan tajuk serta membuat tinjauan secara tidak langsung untuk melihat secara lebih dekat kekuatan dan kekurangan suasana bekerja di bahagian tersebut yang sedikit sebanyak mempengaruhi hasil kerja pengeluaran fatwa. Oleh itu, bagi merealisasikan objektif kajian ini, penyelidik menggunakan tiga metode utama untuk mendapatkan data dan kaedah analisis, iaitu ;

1) Metode Penentuan Subjek
2) Metode Pengumpulan Data
3) Metode Analisis Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.9.1 Metode Penentuan Subjek

Dalam metode ini, penyelidik memfokuskan kajian berdasarkan tajuk kajian pengkaji sahaja dengan menentukan subjek kajian melalui tiga cara;

Pertama: Sampel kajian, menerusi kaedah ini penyelidik menentukan kajian terhadap fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan dan diterbitkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dalam tempoh lapan tahun bermula dari tahun 2007 hingga 2014.

Kedua: Lokasi kajian, dalam kajian ini penyelidik menumpukan sepenuh penyelidikan di Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Perak yang berfungsi sebagai unit yang bertanggungjawab menjalankan kajian-kajian fatwa dan menyediakan hasil kajian untuk perbincangan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bagi menetapkan fatwanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga: Objek kajian, fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis metode berfatwa yang digunapakai dan diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) dalam memutuskan fatwa dan elemen semasa yang diambilkira semasa proses penyediaan dan pengeluaran fatwa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.9.2 Metode Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan tiga metode pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat penting bagi menghasilkan kajian dengan tepat dan jelas iaitu;

1. Metode kepustakaan
2. Metode temubual
3. Metode dokumentasi

#### 1.9.2.1 Metode Kepustakaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metode kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan dalam sesuatu kajian bagi mendapatkan maklumat dan bahan yang bersifat teori atau fakta sama ada ia berbentuk cetakan, digital, video mahupun audio. Metode ini sangat perlu dalam sesebuah kajian khususnya bagi memperolehi data dalam bentuk buku, jurnal, tesis, koleksi kertas kerja seminar, artikel dan sebagainya.

Metode ini telah digunakan sepenuhnya oleh penyelidik dalam bab kedua bagi menjelaskan secara terperinci teori-teori berkaitan dengan fatwa dan hukumnya, metode asas dalam amalan berfatwa dan ciri-ciri yang perlu ada bagi sesuatu fatwa yang ingin dikeluarkan serta langkah-langkah penyelidikan semasa dalam mengemukakan fatwa. Justeru itu, bagi memenuhi keperluan metode ini, penyelidik akan mengunjungi beberapa buah perpustakaan bagi memperolehi data yang berkenaan, antaranya;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

2) Perpustakaan Jabatan Mufti Perak.

4) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

5) Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI

Selain itu, penyelidik juga menggunakan bahan-bahan yang diperolehi melalui aplikasi internet bagi mendapatkan data-data sampingan berkaitan dengan kajian ini, antara laman sesawang yang dilayari ialah;

1) www.e-fatwa.gov.my – Laman sesawang rasmi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, JAKIM.

2) infad.usim.edu.my – Laman sesawang rasmi Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3) www.alifta.net – Laman sesawang rasmi Pengurusan Fatwa dan PenyelidikanArab Saudi.

5) www.islamweb.net/fatwa – Laman sesawang bagi Markaz al-Fatwa

**1.9.2.2 Metode Temubual**

Metode temubual merupakan kaedah penting yang perlu digunakan bagi mendapatkan data secara tepat dan sahih mengenai isu kajian, di samping menyokong dan mengukuhkan fakta-fakta yang dikemukakan dalam kajian ini. Justeru itu, dalam kajian ini penyelidik telah menemuramah dua orang responden iaitu Ustaz Hj Zamri Bin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hashim, Timbalan Mufti Negeri Perak merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) dan Dr. Ahmad Husni Bin Haji Hasan, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.

Oleh yang demikian, metode temubual ini telah digunakan sepenuhnya oleh penyelidik dalam bab ketiga bagi mendapatkan input dan maklumat yang tepat berkaitan dengan fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa, metode berfatwa yang digunapakai dan amalan penyelidikan yang dijalankan bagi menangani persoalan yang diutarakan bertujuan mengetahui kaedah penyelidikan fatwa di pihak JFNPk.

#### 1.9.2.3 Metode Dokumentasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metode dokumentasi merupakan kaedah kajian yang digunakan bagi mendapatkan data atau maklumat yang bersifat bahan-bahan yang terpelihara bagi sesuatu organisasi atau jabatan seperti surat-surat rasmi, enakmen, prosedur, warta, pekeliling, dokumen rasmi, buku himpunan kertas kerja fatwa dan sebagainya. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik telah mengunjungi Jabatan Mufti Perak, khususnya bahagian Fatwa dan Maktabah untuk memperolehi segala data dan maklumat rasmi yang berkaitan dengan fatwa-fatwa negeri Perak termasuk surat-surat rasmi, pewartaan fatwa, senarai fatwa, kertas kerja bagi proses penfatwaan, koleksi fatwa-fatwa yang diputuskan mengikut tahun dan prosedur penyediaan dan pengeluaran fatwa serta dokumen-dokumen rasmi yang berkaitan. Metode ini digunakan dalam bab ketiga di mana fakta mengenai kaedah berfatwa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dipraktikkan oleh Jawatankuasa Fatwa, pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan penyediaan jawapan fatwa akan diperolehi melalui kaedah ini.

### 1.9.3 Metode Analisis Data

Setelah proses pengumpulan data selesai dilakukan, peringkat seterusnya adalah proses menganalisis data-data yang sedia ada. Oleh itu, bagi merungkai permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini, penyelidik menggunakan tiga metode analisis data yang dilakukan secara krtikal dan kritis iaitu;

1) Metode Deduktif
2) Metode Induktif
3) Metode Komparatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 1.9.3.1 Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan hasil analisis bagi satu kesimpulan dari sesuatu yang umum kepada sesuatu yang khusus. Justeru itu, melalui metode ini penyelidik menganalisis teori-teori berkenaan metode dan kaedah berfatwa yang dikemukakan oleh para sarjana silam untuk disimpulkan kepada satu penemuan penting secara khusus iaitu metode fatwa yang perlu dipraktikkan dalam menangani permasalahan semasa di mana dapatan kajian akan dimuatkan dalam bab kedua. Oleh yang demikian, hasil dapatan daripada analisis ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


boleh menjelaskan kaedah dan metode yang perlu diaplikasi dalam menjalankan penyelidikan fatwa.

### 1.9.3.2 Metode Induktif

Metode induktif merupakan lawanan bagi metode deduktif di mana satu kesimpulan dari sesuatu yang umum akan dihasilkan melalui sesuatu yang khusus. Justeru itu, melalui metode ini penyelidik menganalisis data-data yang bersifat khusus yang diperolehi menerusi kaedah temubual dan bahan-bahan dokumentasi mengenai metode fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak untuk disimpulkan kepada satu rumusan yang umum berkenaan metode dan kaedah berfatwa yang digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa dalam menyelesaikan persoalan semasa melalui penyelidikan yang dijalankan. Dapatan yang diperolehi akan dimuatkan dalam bab yang ketiga selari dengan pencapaian objektif kajian yang kedua. Oleh yang demikian, hasil dapatan daripada analisis ini boleh menjelaskan kaedah dan metode yang digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa tersebut dalam menyelesaikan isu-isu semasa yang berlaku melalui pemilihan fatwa.

### 1.9.3.3 Metode Komparatif

Metode komparatif merupakan metode analisis perbandingan terhadap data-data yang diperolehi supaya dapat menghasilkan satu kesimpulan yang jelas. Oleh itu, dalam kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ini penyelidik telah melakukan analisis perbandingan antara kaedah berfatwa yang perlu dipraktikkan dalam penyelidikan fatwa dengan kaedah berfatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menerusi proses analisis terhadap fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan secara kritikal. Hasil analisis ini telah dimuatkan di dalam bab keempat. Hasil kajian memperlihatkan penemuan yang jelas mengenai metode berfatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak sama ada ianya menepati metode berfatwa yang sebenar atau sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi